



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000
Bil. : KEW100-4/4 JLD.10(159)
Tarikh : 10 Februari 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah/Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Pengerusi/Ketua Eksekutif Syarikat Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.4/2025
GARIS PANDUAN PELANTIKAN KONSESI NEGERI

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan garis panduan permohonan atau cadangan bagi pelaksanaan perolehan secara Konsesi untuk projek-projek baharu, serta permohonan atau cadangan pelanjutan bagi Kontrak Konsesi yang sedia ada.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan Permohonan Pengecualian yang diterima daripada Kementerian/Jabatan/Agensi serta permohonan Rundingan Terus daripada Syarikat, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Garis Panduan bagi proses tersebut melalui Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 4/2023. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri turut menerima permohonan atau cadangan bagi pelaksanaan perolehan secara Konsesi untuk projek-projek baharu, serta permohonan atau cadangan pelanjutan bagi Kontrak Konsesi yang sedia ada.

...2/

“SABAH MAJU JAYA”



No. Rujukan : KEW100-4/4 JLD.10(159)
Tarikh : 10 Februari 2025

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.4/2025
GARIS PANDUAN PELANTIKAN KONSESI NEGERI

2.2 Sehubungan dengan itu, bagi memastikan Syarikat Konsesi yang dilantik adalah berkeelayakan dan berkemampuan melaksanakan perolehan bagi pihak Kerajaan Negeri, maka Garis Panduan Pelantikan Konsesi Negeri telah dikeluarkan sebagai rujukan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi.

3. PENGUATKUASAAN

Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa dari tarikh surat pekeliling dikeluarkan.

4. PERTANYAAN ATAU KEMUSYKILAN

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkenaan kandungan Surat Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada **Unit Perolehan, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.**

5. RUJUKAN PEKELILING

Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.4 Tahun 2023 melalui surat Ruj. KEW.100-4/4 JLD.10(105) bertarikh 10 Februari 2023 dan Ralat Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.4/2023 melalui Ruj. KEW.100-4/4 JLD.10(107) bertarikh 28 Februari 2023.

...3/

“SABAH MAJU JAYA”

No. Rujukan : KEW100-4/4 JLD.10(159)
Tarikh : 10 Februari 2025

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.4/2025
GARIS PANDUAN PELANTIKAN KONSESI NEGERI

Sekian. Terima Kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR)
Setiausaha Tetap

s.k. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
88450 KOTA KINABALU

Pengarah,
Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah,
Tingkat 7-11, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens,
Jalan Tuaran, Karamunsing,
88646 KOTA KINABALU

"SABAH MAJU JAYA"

GARIS PANDUAN PELANTIKAN KONSESI NEGERI

1. Sebarang permohonan bagi perolehan secara konsesi hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri Sabah dengan mengisi Borang Permohonan Rundingan Terus seperti dalam KEW-(P)ST2 di Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.4 Tahun 2023 (SPKK BIL.4/2023) bertarikh 10 Februari 2023 dan Ralat Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.4 Tahun 2023 bertarikh 28 Februari 2023.
2. Permohonan perolehan secara konsesi yang diterima daripada syarikat akan dirujuk ke Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan bagi mendapatkan maklumat projek dan penilaian ke atas syarikat.
3. Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah menyemak maklumat projek tersebut dan membuat penilaian ke atas syarikat dengan melengkapkan borang seperti di KEW-(P)ST3, KEW-(P)ST4 dan KEW-(P)ST5 (rujuk SPKK BIL.4/2023). Borang tersebut hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebelum dikemukakan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.
4. Setelah penilaian dibuat dan sekiranya cadangan/projek tersebut boleh dilaksanakan, permohonan berkenaan akan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Konsesi Negeri (JKN).
5. Keahlian JKN adalah seperti berikut:
 - i. Pengerusi - Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS)
 - ii. Ahli - Peguam Besar Negeri, Jabatan Peguam Besar Negeri (JPBN) atau wakil;
 - iii. Ahli - Pengarah, Jabatan Kerja Raya (JKR) atau wakil;
 - iv. Ahli - Bendahari Negeri, Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) atau wakil
 - v. Ahli - Jika perlu, seorang pegawai awam dari Kementerian/Jabatan/Agensi lain yang boleh memberi sumbangan kepada Jawatankuasa Konsesi Negeri dari segi pengetahuan/pengalaman dalam bidang tertentu mengikut keperluan perolehan. Keahlian pegawai tersebut adalah tidak kekal tetapi mengikut keperluan dan kesesuaian dalam bidang perolehan yang berkenaan.
 - vi. Urus Setia - Bahagian yang berkenaan di Kementerian Kewangan Sabah.

6. Tanggungjawab Jawatankuasa Konsesi Negeri adalah seperti yang berikut:
 - 6.1 Menilai cadangan pelaksanaan syarikat projek yang dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi.
 - 6.2 Menilai keupayaan (dari segi teknikal dan kewangan) pengalaman syarikat berdasarkan keperluan di KEW-(P)ST4.
 - 6.3 Memperakukan syarikat yang layak untuk diberikan pertimbangan pelantikan syarikat konsesi negeri sewajarnya.
7. Cadangan pelantikan syarikat konsesi yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Konsesi Negeri di Para 6 hendaklah dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkenaan untuk penyediaan Kertas Kabinet bagi dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.
8. Kementerian pelaksana hendaklah menyampaikan keputusan Jemaah Menteri kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Konsesi Negeri secara bertulis. Jika cadangan pelantikan syarikat konsesi diluluskan, Kementerian Kewangan Negeri Sabah akan mengeluarkan surat kelulusan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi. Jika tidak diluluskan, Kementerian Kewangan Sabah akan mengeluarkan surat pemakluman kepada syarikat yang memohon.
9. Bagi memastikan harga yang ditawarkan tersebut adalah munasabah dan menjaga kepentingan Kerajaan, Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah melaksanakan rundingan harga dengan merujuk Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus seperti di SPKK BIL.4/2023 bertarikh 10 Februari 2023.
10. Dokumen Perjanjian Konsesi yang komprehensif hendaklah disediakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi sebagai satu ikatan rasmi di antara Kerajaan dengan syarikat dan mengandungi obligasi/persetujuan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan sepanjang tempoh perjanjian tersebut. Berikut adalah kepentingan perjanjian:
 - 10.1 Memelihara kepentingan Kerajaan;
 - 10.2 Memastikan kedua-dua pihak mematuhi obligasi masing-masing sebagaimana dinyatakan di dalam perjanjian/kontrak yang ditandatangani;
 - 10.3 Sekiranya ada pelanggaran/ketidakpatuhan yang terkandung dalam terma dan syarat perjanjian, dokumen perjanjian boleh digunakan untuk proses pendakwaan undang-undang/ganti rugi; dan
 - 10.4 Menjelaskan tanggungjawab syarikat konsesi sepanjang perkhidmatan yang diberikan kepada Kerajaan dengan tempoh yang ditetapkan.

CARTA ALIRAN PELANTIKAN KONSESI NEGERI

PROSES KERJA

